

SULIT

NAMA		TAHUN	
------	--	-------	--



SK PASIR PUTEH,
21610 MERCHANG, MARANG, TERENGGANU.

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2016

**SEJARAH
(TAHUN 4)
- 1 JAM -**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan :-

1. Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan.
2. Tiap-tiap soalan hendaklah ditulis dengan jawapan yang betul.
3. Jikan hendak menukar jawapan, padamkan tulisan jawapan yang hendak dibuat dengan sebersihnya sebelum mengisi jawapan baru.
4. Jawab kesemua soalan.

Analisa :-

BIL .	BAHAGIAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH	KESELURUHAN
1.	BAHAGIAN A	60		MARKAH :
2.	BAHAGIAN B	20		
3.	BAHAGIAN C			
	1	6		GRED :
	2	8		
	3	6		

BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

Arahan : Pilih jawapan yang betul.

- 1 Apakah maksud sejarah menurut Kamus Dewan?
 - A Peristiwa yang akan berlaku
 - B Cerita yang menarik untuk dibaca
 - C Peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu lampau
 - D Kisah-kisah dongeng yang telah berlaku pada waktu lampau

- 2 Menurut Ibn Khaldun, sejarah menceritakan hal tentang
 - A manusia dan alam sekitar
 - B manusia, haiwan dan tumbuhan
 - C manusia dan Tuhan yang menciptakan alam
 - D manusia dan perbuatan yang berlaku dalam masyarakat tersebut

- 3 Antara berikut, manakah merupakan sumber pertama?
 - A Fosil
 - B Buku
 - C Akhbar
 - D Majalah

- 4 Naskhah tulisan tangan dipanggil sebagai
 - A fosil
 - B artifak
 - C akhbar
 - D manuskrip

- 5 Apakah yang kamu faham mengenai kaedah arkeologi?
 - A Kaedah temubual
 - B Kaedah bahan bercetak
 - C Kaedah gali cari harta karun
 - D Kaedah gali cari artifak dan fosil

- 6 Sekiranya kamu menemu bual guru untuk memperoleh maklumat sejarah, kamu telah melaksanakan
- A kaedah lisan
 - B kaedah bertulis
 - C kaedah arkeologi
 - D kaedah pandang dengar
- 7 Apakah maksud Sebelum Masihi (SM)?
- A Zaman purba
 - B Zaman dahulu kala
 - C Zaman selepas kelahiran Nabi Isa
 - D Zaman sebelum kelahiran Nabi Isa
- 8 Berapakah tempoh masa bagi alaf?
- A 1 tahun
 - B 10 tahun
 - C 100 tahun
 - D 1000 tahun
- 9 Apakah nama tempat yang berfungsi menyimpan dan mempamerkan bahan tinggalan sejarah yang berharga?
- A Arkib
 - B Muzium
 - C Sekolah
 - D Hospital
- 10 Berikut merupakan tapak arkeologi yang terdapat di Malaysia KECUALI
- A Gua Niah, Sarawak
 - B Bukit Tengkorak, Sabah
 - C Arkib Negara, Kuala Lumpur
 - D Candi Lembah Bujang, Kedah
- 11 Antara berikut, yang manakah BUKAN ahli keluarga asas?

- A Ibu
- B Ayah
- C Datuk
- D Kakak

12 Apakah nama panggilan bagi ibu dan bapa orang India berketurunan Tamil?

- A Ayah dan ibu
- B Apai dan indai
- C Apak dan amih
- D Appa dan amma

13 Antara berikut, manakah amalan yang sesuai ketika makan?

- A Berdoa sebelum makan
- B Makan dengan gelojoh
- C Bercakap ketika makan
- D Bermain-main ketika makan

14 Apakah dokumen yang mengandungi keterangan mengenai butir-butir kelahiran?

- A Sijil kelahiran
- B Sijil kematian
- C Sijil perceraian
- D Sijil perkahwinan

15 Antara berikut, amalan manakah yang perlu anda lakukan apabila ingin keluar dari rumah?

- A Keluar secara senyap-senyap dengan rakan anda
- B Meminta izin daripada bapa dan ibu terlebih dahulu
- C Keluar begitu sahaja tanpa meminta kebenaran bapa dan ibu
- D Menggunakan pintu belakang tanpa pengetahuan bapa dan ibu

16 Siapakah yang bertanggungjawab menyelaras semua program akademik di sekolah?

- A Guru Besar
- B Guru Penolong Kanan Kokurikulum

- C Guru Penolong Kanan Pentadbiran
- D Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

17 Apakah maksud nombor lima angka pada alamat rumah anda?

- A Poskod
- B Poskad
- C Nama jalan
- D Nama negeri

18 Kawasan daratan yang dikelilingi laut dikenali sebagai

- A pulau
- B tanah tinggi
- C tanah pamah
- D pinggir sungai

19 Timbunan besar ais yang bergerak perlahan-lahan menuruni cerun atau merebak ke permukaan laut dikenali sebagai

- A salji
- B hujan
- C awan
- D glasier

20 Tanah daratan luas yang telah ditenggelami air laut dipanggil sebagai

- A. benua
- B. lautan
- C. jurang laut
- D. pentas sunda

21 Mengapakah pada tahun 1877, Dato' Maharaja Lela dihukum gantung di Pasir Salak

- A. Kerana beliau menyekat kemaraan komunis
- B. Kerana beliau membunuh pembesar tempatam
- C. Kerana beliau mengingkari perintah raja

D. Kerana beliau menentang undang-undang British

22 Antara berikut, yang manakah cara untuk memelihara tempat-tempat sejarah?

- i. Menarik taraf bangunan asal
- ii. Mewartakan tempat bersejarah
- iii. Reka bentuk asal bangunan dikekalkan
- iv. Bangunan dibaik pulih

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

23 Mengapakah pencairan air batu berlaku ?

- A. Peningkatan air laut
- B. Peningkatan suhu bumi
- C. Pembebasan gas oksigen
- D. Pembentukan pulau-pulau

24

- *Mencipta tembikar*
- *Menggunakan beliung untuk membuat perahu*

Maklumat di atas merupakan ciri-ciri masyarakat pada zaman prasejarah di Malaysia. Ciri-ciri tersebut dimiliki manusia pada zaman ?


- A. Zaman Logam
- B. Zaman Neolitik
- C. Zaman Mesolitik
- D. Zaman Paleolitik

25 Siapakah yang mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka sekitar tahun 1400 ?

- A. Sultan Muzaffar Shah
- B. Parameswara
- C. Hang Tuah
- D. Tun Perak

- 26 Antara berikut, siapakah yang berperanan menasihati sultan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka ?
- A. Bendahara
 - B. Laksamana
 - C. Syahbandar
 - D. Temenggong

27 Rajah berikut berkaitan dengan susun lapis Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah peranan Laksamana dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka ?

- A. Pemimpin angkatan perang
- B. Pengawal peribadi sultan
- C. Penasihat peribadi sultan
- D. Ketua diplomat

28 Palembang → Temasik → Muar → **X**

Rajah di atas menunjukkan perjalanan Parameswara sebelum membuka petempatan di Melaka. Apakah **X** ?

- A. Sening Ujung
- B. Melaka

- C. Batu Pahat
- D. Segamat

29. Mengapakah Tun Perak mengarahkan pengikutnya mengikat jamung di sepanjang pantai Melaka ?
- A. Untuk mengelirukan askar Siam yang tiba pada waktu malam
 - B. Untuk mematahkan serangan askar Siam
 - C. Untuk mengaku kalah kepada musuh
 - D. Untuk mengalu-alukan kedatangan askar Siam
30. Antara berikut, faktor yang manakah menentukan kemajuan pembuatan peralatan manusia ?
- A. Bekalan bahan
 - B. Sikap inovatif
 - C. Ilmu pengetahuan
 - D. Peluang pelajaran

BAHAGIAN B

Arahan : Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

nama baik	tanah tinggi	sungai	penanaman teh	Guru besar
perdagangan	Tanah	lencana	Peraturan	Lokasi

	pamah			
--	--------------	--	--	--


- 1 Setiap murid wajib memakai _____ sekolah.
- 2 _____ sekolah diwujudkan bagi menjamin keselamatan dan disiplin murid.
- 3 _____ adalah ketua kepada semua guru di sekolah.
- 4 Semua murid perlu sentiasa menjaga _____ sekolah.
- 5 _____ sekolah adalah tempat di mana sesebuah sekolah itu berada.
- 6 Cameron Highlands, Pahang merupakan salah satu contoh tempat pelancongan di kawasan _____.
- 7 Kawasan tanah tinggi sesuai dengan aktiviti _____.
- 8 _____ merupakan kawasan yang rata dan rendah.
- 9 Penduduk di kawasan pinggir laut menjalankan aktiviti _____ dan penangkapan ikan.
- 10 Pada zaman dahulu, _____ merupakan jalan perhubungan dan pengangkutan.

(20 markah)

BAHAGIAN C

Arahan :

**1. Tuli
beriku**



(6 markah)

2. Nyatakan persamaan jawatan antara Pembesar 4 Lipatan Zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan Pentadbiran Kerajaan Malaysia sekarang.

No	Pembesar Empat Lipatan	Pentadbiran Malaysia Kini
1.	Bendahara	
2.	Penghulu Bendahari	
3.	Laksamana	
4.	Syahbandar	

(8 markah)

3. Nyatakan tiga cara kamu menghargai sumbangan tokoh-tokoh yang telah mempertahankan dan memelihara kedaulatan negara.

- i.
.....
.....

ii.
.....
.....

iii.
.....
.....

(6 markah)

- SOALAN TAMAT -